

6 MAC 2018

**Duterte elak persidangan ASEAN di Sydney****Duterte elak persidangan ASEAN di Sydney**

**Manila:** Presiden Filipina, Rodrigo Duterte, yang kini berdepan tekanan antarabangsa berhubung perang dadah di negara sendiri tidak akan menyertai persidangan ASEAN di Australia bulan ini, menurut jurucakap beliau, semalam.

Keputusan Duterte untuk tidak menghadiri mesyuarat itu dilakukan selepas beliau menyatakan tidak akan bekerjasama dengan penyiasat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berhubung dakwaan pembunuhan tanpa bicara ketika operasi terbabit yang mengakibatkan ribuan orang maut.

Jurucakap beliau, Harry Roque, mengesahkan bahawa Duterte tidak akan menyertai pemimpin Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) itu untuk persidangan pada 17 dan 18 Mac ini di Sydney.

**Bangkitkan kebimbangan**

"Perkembangan dalam negara memerlukan Presiden berada di Filipina," kata Roque kepada pemberita.

Australia adalah antara negara yang membangkitkan kebimbangan terhadap jumlah kematian perang dadah Filipina ketika mesyuarat Majlis

Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva pada tahun lalu.

Duterte dipilih pada 2016 dengan janji menghapuskan dadah dan melancarkan operasi luar jangkauan dengan polis negara itu berkata, mereka sudah membunuh lebih 4,100 orang suspek dadah yang cuba melawan ketika cuba ditahan.

Bagaimanapun, jangkauan beberapa kumpulan hak asasi mendakwa wujud lebih 12,000 kematian termasuk mangsa yang dibunuh kumpulan penduduk.

AFP



Perkembangan dalam negara memerlukan Presiden berada di Filipina"

**Harry Roque,**  
Jurucakap  
Rodrigo Duterte

oni